

**UCAPAN HJ ABU BAKAR ABDUL RAHMAN,
PENGURUSI LEMBAGA PENTADBIR MASJID OMAR KG MELAKA DI
MAJLIS PEMBUKAAN SEMULA SEMPENA SELESAINYA KERJA-KERJA
PENINGKATAN MASJID, JUMAAT, 4 JUNE 2010**

Bismillahir Rahmanir Rahim

*Alhamdulillah rabbil alamin wassolatu wassolamu ala..... (to complete the
Hamdalah)*

Yang Berhormat

Dr Yaacob Ibrahim

Menteri Sekitaran & Sumber Air

Merangkap Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwal Masyarakat Islam

Yang Berhormat

Para Anggota Parlimen

Yang Berbahagia

Hj Mohd Alami Musa

Presiden, Majlis Ugama Islam Singapura

Yang Mulia

Sohibus Samaha, Syed Isa Mohd Semait

Mufti Negara

Yang Berbahagia

Datuk Wira Hj. Omar bin Kaseh

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Yang Berbahagia

Datuk Wira Hj. Hamdin bin Abdollah

Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM)

Yang Berbahagia

Datuk Hj. Ghazale bin Mohamad

Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka

Para Pemimpin Masjid dan Organisasi

Para Dermawan dan Sukarelawan

Hadirin & jemaah yang dirahmati Allah

Assalammualaikum wr wb.

Pertama-tama, saya panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurniannya kita dapat kembali berkumpul di Rumah Allah yang amat kita cintai ini, untuk perasmian Majlis Pembukaan Semula Masjid Omar Kg Melaka.

2 Bagi pihak seluruh Anggota Lembaga Pentadbir Masjid Omar Kg Melaka (ringkasnya LPM Omar Kg Melaka), saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tetamu Terhormat kita Dr Yaacob Ibrahim, dheid-dheid kenamaan dan rakan-rakan dari Negeri Melaka, para undangan dan para jemaah sekalian, kerana sudi memeri dan menyerikan, majlis yang amat bermakna ini.

3 Hari ini, merupakan detik bersejarah bagi LPM Omar Kg Melaka dan masyarakat Islam Singapura. Masjid yang merupakan tapak ibadat yang pertama terakam dalam sejarah Singapura, dibangunkan setahun setelah Raffles mendarat di Singapura iaitu pada tahun 1820 dan terletak di tengah-tengah bandaraya Singapura, kini dapat berkhidmat semula kepada masyarakat Singapura. Ruang dan fasilitinya kini bertambah luas dan lebih baik.

4 Matlamat untuk meningkatkan fasiliti dan ruang masjid ini telah lama dirancangan. Ia bermula sejak tahun 2005 lagi apabila LPM kami melihat perlunya masjid berfungsi lebih daripada sekadar ruang solat untuk para jemaah dan kuliah biasa sahaja. Kegiatan masjid yang semakin meningkat memerlukan ruang yang lebih besar untuk menjadikannya pusat pembelajaran dan pembangunan masyarakat yang lebih berkesan.

5 Hakikat bahawa masjid ini terletak di kawasan komersial dan pejabat di kawasan bandar, ialah ia wujud tanpa taburan penduduk di sekitarnya seperti masjid-masjid di estet perumahan lain. Ini tidak bermakna LPM sekadar berpuas hati dengan kegiatan solat dan kuliah biasa saja. Kami akan berusaha dengan serius untuk meningkatkan kursus-kursus al-Quran seperti Talaqqi, Iqra and Tarranum, yang merupakan kegiatan tukikan MOM, dengan menerapkan Pengajian Al-Quran secara lebih berkesan, sebagai melengkapi kursus yang ditawarkan Darul Quran di Masjid Kg Siglap. Sementara Darul Quran memberi khidmat kepada masyarakat di kawasan Timur, segmen khidmat kami boleh diuruskan untuk golongan yang berurusan di kawasan Bandar.

6 Kami juga akan melaksanakan kegiatan pembelajaran Islam untuk belia seperti modul lanjutan atau program tambahan aLIVE sebagai sebahagian daripada program belia kami. Usaha-usaha juga akan digiatkan untuk mengadakan kuliah-kuliah singkat selepas

Zohor dan selepas waktu kerja dan kuliah-kuliah khas yang akan diadakan pada hujung minggu bagi golongan dewasa.

7 Lokasi masjid juga memberi kelebihan kepada kami. Masjid sering dikunjungi para pelancung dan jemaah luar negeri. Selang beberapa tahun lagi, akan siap pula sebuah hotel lima bintang yang kini sedang dibangunkan di sebelah masjid. Ia dijangka menarik golongan pengunjung daripada negara-negara Islam yang menghadiri pelbagai urusan perniagaan dan persidangan, sesuai dengan matlamat negara kita untuk menjadi Hub Persidangan antarabangsa.

8 Elemen ini secara langsung menjadikan Masjid Omar Kg Melaka sebagai tumpuan untuk keperluan ibadat mereka atau kunjungan wisata pelawat luar negeri. Mengambil kesempatan ini, kami di MOKM akan melakarkan beberapa tukikan untuk menjadikan masjid sebagai “showcase” dan pusat informasi tentang peranan yang dimainkan masyarakat Islam di tengah-tengah pembangunan negara Singapura yang serba kosmopolitan ini. Informasi tersebut akan lebih menarik lagi apabila dapat kita sepadukan dengan sejarah masjid yang ada kaitannya dengan zaman bahari dan diaspora Melayu yang telah berawal sejak kurun ke 14 dan berpusat di Negeri Melaka. Di kawasan belakang masjid ini juga terletak perkampungan Melayu yang sebahagian besar penduduknya berasal daripada Melaka ketika zaman Raffles dulu.

9 Jemaah MOKM terdiri daripada para pekerja dan pengunjung berbilang bangsa. Mereka datang dari pelbagai pelusuk dunia. LPM akan memanfaatkan kelebihan ini dengan mengadakan program dan kuliah dalam bahasa Inggeris. Kami akan melibatkan keluarga para pekerja luar negara ini dengan mengadakan program-program yang sesuai untuk mereka. Selain khutbah dalam bahasa Inggeris sekali setiap bulan, kita akan juga **memperbanyakkan risalah, bahan bacaan dan rujukan dalam bahasa Inggeris.**

10 Sesuai dengan sejarah masjid sebagai tapak tempat beribadat yang pertama di Singapura, kami akan terus bekerjasama dengan Lembaga Pelancungan Singapura (Singapore Tourism Board) dan Lembaga Warisan Kebangsaan (National Heritage Board) untuk menjadikan MOKM sebagai sebahagian daripada **Program Jejak Warisan Singapura (Heritage Trail)**. Ini adalah sebahagian daripada sumbangan kita terhadap sejarah negara.

11 Alhamdulillah, dengan selesainya projek peningkatan ini, kapasiti ruang solat masjid semakin bertambah. Masjid kini boleh menampung **sekitar 900 jemaah meningkat daripada sekadar 500 jemaah sebelumnya**. Diharapkan dengan perluasan kapasiti ini, ia dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan ruang solat bagi para pekerja Muslim di kawasan bandar Singapura.

12 Kami amat berterima kasih kepada para jemaah dan masyarakat Islam Singapura yang telah dengan tangan terbuka luas, membantu LPM dalam usaha mendapatkan dana yang mencukupi bagi kerja-kerja peningkatan ini. Setakat ini, kami telah berjaya mengumpulkan sebanyak \$900,000 daripada sumbangan anda sekalian. Kami masih lagi memerlukan sekitar **\$200,000** untuk memenuhi komitmen kita terhadap jumlah kos yang diperlukan. Diharap para jemaah dan masyarakat Islam akan terus memberi sumbangan kepada MOKM agar dana yang masih berkurangan tersebut dapat dipenuhi.

13 Pada kesempatan ini ingin kami rakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Tetamu Terhormat kita, Dr Yaacob Ibrahim yang telah menyokong projek ini; Mufti Negara Sohibus Samaha Syed Isa Mohd Semait yang akan mengisytiharkan Perwakaafan kawasan tambahan masjid, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) atas bantuan dan panduan yang telah diberikan; Warees Investments Pte Ltd dan para perunding cara kerana memberikan kepaakaran teknikal mereka; kontraktor Mie-Tech Engineering & construction Pte Ltd kerana telah menaja bahagian-bahagian kerja tambahan yang kami perlukan dan para jemaah sekalian, yang begitu setia mendoakan akan kejayaan projek ini. Semoga sokongan ini akan berterusan dan jasa baik para jemaah dan masyarakat Singapura akan dikurniakan Allah dengan sebaik-baik anugerah.

Wabillahi taufiq wal hiidayat wassalammualaikum wr wb.